

12 JAN 2000

Mahathir-Berlepas

MAHATHIR BERLEPAS KE ARGENTINA

SEPANG, 12 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memulakan cuti dua minggu, berlepas ke Argentina dan Kepulauan Caribbean, pukul 1.05 pagi ini.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali selepas cuti dua minggu itu akan melakukan lawatan kerja selama seminggu ke Davos, Switzerland.

Yang turut berada di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir ialah timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Semasa di Davos nanti, Dr Mahathir akan menghadiri Forum Ekonomi Dunia dari 27 Jan hingga 1 Feb.

Dalam forum ekonomi itu, Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan utama dan menyertai satu dialog budaya antara ketua-ketua negara dan kerajaan Islam dengan ketua-ketua negara dan kerajaan beberapa negara Barat.

Selain Dr Mahathir, pemimpin-pemimpin negara dan kerajaan Islam yang menyertai dialog itu ialah Raja Jordan, Presiden Mesir dan Presiden Indonesia.

Pihak Barat pula diwakili oleh raja dari Norway, Sepanyol dan Presiden-presiden Austria, Republik Czech, Finland, Jerman dan Itali.

Tujuan dialog antara budaya Islam dan Barat itu ialah untuk mengenal pasti nilai-nilai persamaan kedua-dua budaya itu.

Persamaan itu boleh digunakan untuk membentuk strategi mengatasi salah faham serta perbezaan dan juga mengadakan sistem amaran awal terhadap konflik yang timbul akibat salah faham dan perbezaan itu.

Dr Mahathir juga akan membuat lawatan singkat ke Paris pada 29 Jan menemui Presiden Perancis, Jacques Chirac untuk membincangkan isu-isu dua hala dan antarabangsa.

Perdana Menteri dijadual pulang ke tanah air pada 3 Feb.

-- BERNAMA

RV PR zb